

23/08/2003

Dr Mahathir rai Sultan Brunei

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi meraikan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah pada jamuan di Seri Perdana di sini.

Jamuan yang dianjurkan sempena lawatan kerja empat hari Sultan Hassanal Bolkiah ke Malaysia bermula kelmarin, turut dihadiri pegawai kanan kedua-dua kerajaan.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood dan beberapa menteri Kabinet.

Dalam majlis lain, di Kuala Lumpur, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenaan menghadiri malam Jubli Perak Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di ibu negara.

Keberangkatan baginda disambut Presiden PBJM, Tengku Datin Seri Noor Hazah Tengku Abdul Aziz Shah serta ahli jawatankuasa tertinggi persatuan.

Pada majlis itu, Tuanku Fauziah yang juga penaung PBJM turut menyampaikan anugerah Jasamu Dikenang kepada bekas presiden persatuan itu, Norminsah Sabirin.